

BAB

KEDUA

BAB KEDUA

SEJARAH PENDIDIKAN ISLAM DI MALAYSIA

2.1 Pendahuluan

Pendidikan dalam Islam mempunyai kedudukan yang suci dan penting. Ia menjadi bahagian yang tidak dapat dipisahkan dari Islam dan merupakan satu ibadat yang besar. Kedudukan dan kepentingan pendidikan amat jelas apabila kita meneliti ayat al-Quran yang pertama diturunkan. Ia tidak dimulai dengan perintah yang berhubung dengan perkara lain seperti ibadat, tetapi dimulakan dengan perintah yang berhubung dengan pendidikan.

Kedatangan Islam ke Nusantara khususnya ke Tanah Melayu telah berjaya mengubah struktur masyarakat di rantau ini, terutamanya dari segi fahaman agama dan kebudayaan ~~menerusi~~ kekudusan pelajaran dan pendidikannya. Justeru itu, amat wajar kejayaan Islam melalui pendidikannya yang menempuh sejarah dalam menyelamatkan sebahagian besar penduduk di rantau ini dari berbagai-bagai kejahilan, didedahkan kepada anak watan. Sesungguhnya tidak dapat disangkal lagi, bahawa pengajian Islam yang berpusat di rumah-rumah, masjid dan surau dan kemudiannya di institusi pengajian pondok, merupakan pusat pengajian tradisional Melayu yang ulung di negara ini. Pusat pengajian tersebut, bukan sahaja berjaya membuka tabir ilmu pengetahuan, bahkan pusat pengajian tersebut merupakan satu-satunya ejen yang berkesan bagi menentang berbagai-bagai amalan khurafat yang

sering melanda masyarakat. Walaupun institusi berkenaan mengalami kejatuhan terutamanya sejak pertengahan kurun ke-20, namun pengajian Islam di negara ini tetap berkembang maju sehingga ke tahap universiti.

3

2.2 Pengertian Pendidikan Islam dan Kepentingannya

Islam sangat memeringankan pendidikan. Hal ini dapat dilihat dari beberapa segi, iaitu dari segi kedudukan ilmu pengetahuan dan kedudukan akal di dalam Islam.

Islam juga amat memandang tinggi terhadap ilmu pengetahuan kerana dengan ilmu pengetahuan sesuatu bangsa dan umat menjadi maju. Ilmu pengetahuan juga merupakan suatu alat yang penting bagi mencapai kemajuan dan kebahagiaan baik dari segi rohani maupun jasmani. Hal ini dapat disaksikan bagaimana negara-negara ~~Babu~~ dapat mencipta alat-alat moden bagi keperluan hidup manusia. Semua ini adalah hasil daripada kemajuan mereka dalam bidang sains dan teknologi.

Oleh kerana Islam merupakan agama yang sempurna, maka ia telah meletakkan ilmu pengetahuan kepada suatu tempat yang tinggi. Kenyataan ini dapat dibuktikan melalui ayat al-Quran yang pertama diturunkan ialah ayat yang memerintahkan Rasulullah s.a.w supaya membaca.. Ini membuktikan tentang pentingnya mempelajari ilmu pengetahuan, kerana ilmu pengetahuan akan diperolehi melalui pembacaan.¹

Dalam ilmu tatabahasa Melayu, “*pendidikan*” ialah kata nama terbitan yang berakar kata daripada kata dasar “*didik*” yang membawa erti jaga atau pelihara atau ajar dengan hati-hati sejak kecil.²

3

Pengertian pendidikan adalah berlainan dan berubah mengikut tujuan dan tugasnya. Perkataan Inggeris “*education*” dikatakan berasal daripada perkataan Latin “*educare*” yang bermakna memelihara atau mengasuh anak.³

Di dalam bahasa Arab, pendidikan dikenali sebagai *tarbiyyah*. Perkataan *tarbiyyah* berasal dari kata kerja (رَبِيْعَ) membawa maksud tumbuh, berkembang dan memelihara. Antara makna (رَبِيْعَ) ialah memperbaiki(إِصْلَاحٌ) memimpin dan mentadbir. Oleh itu, pendidikan dalam bahasa Arab disebut *tarbiah* yang pada asalnya membawa makna pertumbuhan, perkembangan dan ketinggian.⁴

Berdasarkan definisi di atas, kesimpulannya pendidikan merupakan suatu proses yang berterusan untuk membentuk manusia kepada keadaan yang lebih bermakna dalam kehidupan di dunia dan akhirat.⁵

2.3 Pendidikan Islam Di Malaysia

Definisi pendidikan Islam di dalam konteks penulisan ini ialah perkembangan pengajian fardu ain dan agama, seperti yang wujud dikelas-kelas al-Quran dan di sekolah-sekolah agama di negara kita sejak dahulu sehingga sekarang.

Di Semenanjung Mâlaysia dan Sarawak, perkembangan pengajian agama seperti di atas berlaku lebih awal kalau dibandingkan dengan Sabah. Satu lagi kelainan yang ketara dan membezakan Semenanjung Mâlaysia dengan Sabah dan Sarawak ialah ketiadaan institusi pengajian pondok di Sabah dan Sarawak. Akan tetapi di Semenanjung Mâlaysia, tidak semua negeri mempunyai tradisi pengajian pondok. Hanya negeri Kelantan, Terengganu, Kedah, Pulau Pinang dan Perak yang mempunyai institusi-institusi pengajian pondok sekalipun bentuk pengajian seperti ini semakin pupus.⁶

2.3.1 Perkembangan Pendidikan Islam Di Malaysia

Kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu berhubung rapat dengan kedatangannya ke Nusantara, kerana Tanah Melayu merupakan satu negara yang termasuk dalam kawasan Nusantara. Wan Hussain Azmi menyatakan, kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu berlaku di sekitar tahun 630 Masihi, iaitu pada zaman hayat Rasulullah s.a.w pada pertengahan abad ke-7

Masihi dibawa oleh saudagar-saudagar Arab dengan alasan bahawa hubungan perdagangan antara saudagar-saudagar Arab dengan Nusantara telah pun berlaku sebelum daripada itu.

Dengan semangat “*da’wah Islamiyyah*” yang membara dan memikul tanggungjawab sebagai umat Islam, saudagar-saudagar tersebut tidak ketinggalan memperkenalkan Islam di rantau ini.

Jika ditinjau daripada sejarah kedatangan Islam ke Nusantara amnya dan ke Malaysia khasnya, ahli-ahli sejarah berselisih pendapat tentang tarikh yang tepat berhubung kedatangannya. Begitu juga tentang daerah di Malaysia yang mula-mula menerima agama Islam.

Pedagang dan pengembara Arab yang menjelajah ke Barat dan ke Timur dunia juga merupakan pendakwah yang besar peranannya dalam perkembangan pendidikan Islam. Antara abad yang ke-10 dan ke-15 Masihi, pedagang dan pengembara Arab telah ramai yang sampai ke Kepulauan Melayu. Bertolak dari sinilah pendidikan Islam mula mencatat sejarahnya di Malaysia.

Berdasarkan kepada kenyataan yang disebutkan di dalam dokumen Sejarah Melayu dan Hikayat Munshi Abdullah, dapatlah difahami bahawa perkembangan pendidikan Islam di Semenanjung Tanah Melayu telah bermula sejak abad ke-15 Masihi lagi. Dapat juga difahami bahawa sejak mula diperkenalkan pendidikan tersebut, ianya telah terus berkembang.

Kajian-kajian yang dibuat setakat ini telah menunjukkan bahawa pendidikan Islam di negara ini bermula dari rumah Imam atau guru, kemudian berkembang menjadi pondok, selepas itu menjadi madrasah dan akhirnya menjadi sekolah-sekolah agama.⁷

3

Sejarah Pendidikan Islam secara formal di sekolah bermula pada tahun 1962, bilamana mata pelajaran Agama Islam/ Pengetahuan Agama Islam dimasukkan dalam jadual rasmi sekolah.

Kurikulum Pendidikan Islam telah dibentuk berdasarkan kepada keperluan untuk memberi pengetahuan agama Islam kepada pelajar-pelajar. Oleh itu sukanan pelajarannya lebih banyak menumpukan kepada asas-asas yang berkaitan dengan agama Islam seperti pelajaran Tauhid, Fiqah, al-Quran dan lain-lain lagi.⁸

Manakala pada akhir tahun 1970-an dan awal tahun 1980-an, pelajar-pelajar aliran agama bukan sahaja mampu melanjutkan pelajaran mereka dalam bidang pendidikan agama, tetapi mereka juga berpeluang melanjutkan pelajaran mereka di dalam bidang-bidang lain seperti sains, perubatan, undang-undang, ekonomi dan lain-lain.

Perkembangan pendidikan pada awal 80-an juga amat menggalakkan. Ini kerana pada tahun tersebut, banyak sekolah menengah agama telah diambil alih oleh Kementerian Pendidikan.

3

Kerajaan Terengganu mendahului negeri-negeri ini di Malaysia dalam memenangi arus kemajuan pesat yang dilalui oleh sekolah-sekolah agama, khususnya di Terengganu dengan menuahkan sebuah kolej agama iaitu Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA) yang memberi tumpuan kepada pengajian Islam dan pengurusan perniagaan.

Dalam dekad terakhir abad ke-20 ini, perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam bidang pendidikan di negara ini sangat menarik dan mencabar. Kewujudan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) pada akhir dekad 1990-an merupakan satu realiti yang menarik di dalam bidang pendidikan tinggi di negara ini.



Perkembangan pendidikan Islam di Malaysia telah melalui tahap-tahap yang mencabar sejak negara mencapai kemerdekaan hingga kini. Tuntutan-tuntutan masyarakat dalam bidang pendidikan Islam ini terus wujud selari dengan perkembangan masa dan masyarakat.⁹

Sebelum kedatangan British, telah pun terdapat pendidikan dibekalkan kepada penduduk-penduduk di negeri-negeri Tanah Melayu.¹⁰ Penekanan pendidikan pada masa itu adalah kepada pengajaran agama.¹⁰

Di Semenanjung Malaysia perlaksanaan pendidikan Islam melalui pengajian dan pengajaran al-Quran di rumah-rumah guru al-Quran telah bermula sebelum abad ke-20 lagi.¹¹

Mulai abad ke-15 hingga ke-17, orang Melayu telah pun mula mendapat pendidikan agama. Pendidikan agama disampaikan oleh guru al-Quran di kampung-kampung. Selain itu, pendidikan agama juga disampaikan oleh mereka yang berketurunan Sayyid. Sebahagian besar daripada guru ini menyampaikan pengajaran di surau atau di masjid. Pada masa yang sama, guru agama tersebut turut menjadi imam kampung dan menyampaikan pendidikan agama.

Pada abad ke-18, pendidikan agama telah meningkat maju kerana penghijrahan beberapa orang alim ulama dari Timur Tengah. Contohnya, Sharif Muhammad telah mengasas Sekolah Agama di Kuala Terengganu. Ketika berlaku kekacauan di Patani, lebih ramai lagi alim ulama berpindah ke Terengganu dan Kelantan.

Menjelang penghujung abad ke-19, sekolah-sekolah pondok atau Arab telah dibina dimerata tempat di Tanah Melayu. Kedah, Perak, Kelantan dan Pulau Pinang merupakan tempat-tempat di mana terdapat banyak sekolah pondok muncul.¹²

3

Di Sarawak, ulama seperti al-marhum Datuk Hakim Keramat Abang Hj.Abdul Rahman [1829 - 1890M] yang juga dikenali sebagai Datuk Hakim Keramat banyak memainkan peranan dalam bidang pengajaran al-Quran secara tradisi ini. Usaha -usaha almarhum telah diteruskan oleh ulama Sarawak kemudiannya.

Pengajian al-Quran secara tradisi di rumah-rumah tuan guru itu telah berkembang dan akhirnya wujud institusi-institusi pondok di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia. Antara tok guru pondok yang terkenal ialah Tuan Haji Awang Muhammad Yusof Kenali yang dikenali juga sebagai Tok Kenali [1868 - 1933M]. Pengajian Islam secara pondok ini banyak membantu memantapkan perkembangan Islam di tanah air kita.

Namun demikian, tradisi pengajian agama secara pondok ini tidak wujud di Sarawak dan Sabah. Ulama Islam di Sarawak seperti al-marhum Dato' Hakim, al-marhum Sheikh Othman Sarawak [1281H/1863M - 1339H/1921M] atau ulama Islam di Sabah seperti al-marhum Imam Haji Suhaili bin Haji Ya'akub [1918 – 1985M] atau Tuan Haji Muhammad Zaini bin Haji Muhammad Arif (meninggal pada 3 hb Sya'aban 1367H

bersamaan 12hb November 1947M) tidak memulakan pengajian agama secara pondok seperti yang dilakukan oleh ulama Islam di semenanjung Malaysia.¹³

3

2.3.2.1 Pendidikan Islam Pada Zaman Penjajah

Penghapusan pendidikan Islam oleh penjajah, khususnya di Tanah Melayu dibuat secara halus melalui pengenalan pendidikan sekular bermula sejak tahun 1618M dengan penubuhan Penang Free School, seterusnya Raffle Institution (1823M), Melaka free School (1878M), Victoria Institution (1894M), King Edward VII, Taiping (1906M) dan beberapa buah sekolah Missionary yang lain. Kewujudan sekolah-sekolah Inggeris tersebut, tidak memberi kesan terhadap orang Islam kerana pendidikan madrasah atau sekolah Arab masih kuat pengaruhnya. Sekolah-sekolah Inggeris, sama ada oleh kerajaan atau mualigh telah membuka pintu seluas-luasnya kepada anak-anak Melayu, khususnya anak-anak orang berada di bandar-bandar untuk belajar di situ.

Proses sekularisasi pendidikan anak-anak Melayu terus berlaku dengan pesat dan radikal sekali. Dalam bidang pelajaran Melayu, **Bahagian Vernakul Melayu** telah diwujudkan di bawah Malacca Free School. Begitu juga dengan pengajian agama dan al-Quran di Sekolah-sekolah Melayu telah “diketepikan” dari jadual rasmi sekolah dan diarah supaya diajar pada waktu petang. Bagi menjaga golongan elit Melayu, pihak penjajah telah menubuhkan sekolah untuk anak-anak Raja dan

anak-anak Pembesar agar rangkaian kepimpinan Melayu terdiri daripada anak-anak “didikan” mereka. Akibat daripada penerimaan pendidikan sekular, maka pandangan yang memisahkan agama daripada urusan dunia telah diterima oleh majoriti umat Islam. Kesannya wujud jurang pemisah antara golongan “moden” dengan golongan “tradisional” yang mana satu golongan meneruskan sistem pendidikan sekular, manakala satu golongan lagi mahukan pendidikan Islam. Golongan yang pertama adalah golongan yang berpengaruh kerana mereka secara langsung terlibat dalam perancangan dan perlaksanaan sistem pendidikan negara. Manakala golongan kedua kurang berpengaruh dan tidak ada kuasa dalam merencanakan dasar pendidikan negara.

Dalam situasi kemajuan sekolah sekular, kewujudan sekolah agama amat terbiar sekali. Akibat dari keadaan ini, kemudahan belajar adalah terhad. Biasiswa untuk melanjutkan pengajian ke luar negara (Universiti Al-Azhar) tidak disediakan.¹³ Kurikulum antara satu negeri dengan negeri lain adalah berbeza dan peperiksaan dikendalikan sendiri oleh negeri masing-masing. Pengiktirafan sijilnya juga berbeza-beza. Keadaan ini masih lagi wujud sehingga ke hari ini. Madrasah atau sekolah agama (Arab) masih lagi dibiayai oleh pihak kerajaan negeri dan amat sukar untuk diselaraskan kurikulumnya, kecuali beberapa buah sekolah yang diserapkan ke dalam Kementerian Pendidikan (1977) untuk dijadikan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA).¹⁴

Penjajah Barat khususnya Inggeris, yang antara tujuan kedatangannya adalah bermotifkan agama, disokong oleh sesetengah kalangan rakyat, mereka juga berjaya mengambil alih institusi pengajian al-Quran pada pertengahan abad ke-19 Masihi dengan mengubahnya menjadi “Sekolah Melayu”.

Sekolah al-Quran yang dijadikan sebagai “Sekolah Melayu” mula beroperasi dengan menjadikan dua sesi pengajian dalam sebuah bangunan. Sesi pagi menyediakan pelajaran akademik dengan pentadbiran dan pembiayaan persekolahannya diletakkan dibawah tanggungjawab kerajaan, yang lebih terkenal dengan panggilan “Sekolah Melayu”. Sesi petang seperti biasa membekalkan pelajaran al-Quran dan asas agama Islam seperti pelajaran *Tauhid*, *Fiqah* dan *Akhlik*. Pentadbiran dan pembiayaannya ditanggung oleh ibu bapa, yang terkenal sebagai “Sekolah Petang”. Dengan klasifikasi tersebut, iaitu dengan memisahkan pengajian agama dengan yang bukan agama, penjajah berjaya mempergunakan ruang ilmu dan pendidikan yang baru dalam peringkat tunas itu bagi memesangkan tanggapan masyarakat terhadap ilmu dan pendidikan Islam itu sendiri. Akibat daripada itu, penjajah dengan mudah berjaya menanam bibit-bibit yang boleh menghalang masyarakat daripada memahami hakikat ilmu serta menghayati Islam sebagai al-Din.¹⁵

2.3.3 Pendidikan Islam Selepas Merdeka

Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, perhatian yang serius mula diberikan oleh pihak Kerajaan terhadap sekolah-sekolah agama.¹⁵ Beberapa buah kerajaan negeri di Malaysia seperti Terengganu, Kelantan dan Kedah telah mengambil alih pentadbiran sekolah-sekolah ini. Sekolah-sekolah ini dikenali sebagai Sekolah Menengah Agama. Kolej Islam Malaya telah ditubuhkan sebagai peringkat tertinggi pengajian Islam secara formal di tanah air kita. Malangnya Kolej ini telah ditutup sementara apabila Fakulti Pengajian Islam di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ditubuhkan pada 18 Mei 1970.

Di samping itu, Kolej Islam Klang juga telah ditubuhkan dan berfungsi sebagai sekolah menengah atas bagi pengajian Islam di samping mempunyai kelas-kelas sains tulen di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

◆◆◆

Perubahan yang besar berlaku dibeberapa sekolah menengah agama di Malaysia pada awal tahun 1970-an. Pelajar-pelajar sekolah agama mula sedar betapa pentingnya menduduki peperiksaan SRP, SPM dan STPM. Perubahan yang drastik ini dibuat selepas kejayaan pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Atas Zainal Abidin Batu Buruk, Terengganu di dalam peperiksaan SPM mereka pada tahun 1969. Dengan kesedaran ini, mereka belajar pada sebelah-malam dengan wang mereka sendiri dan menduduki peperiksaan SRP.¹⁶

2.3.4 Sistem Pengajian Islam Di Malaysia

Di Malaysia terdapat pelbagai bentuk sistem pengajian agama. Antara pendidikan agama yang terdapat di Malaysia hingga ke hari ini ialah:

3

2.3.4.1 Pengajian Pondok

Sistem pendidikan pondok didapati lebih tersusun dan teratur jika dibandingkan dengan pendidikan agama di rumah-rumah atau di surau-surau. Pada awal kurun ke-19, sekolah pondok banyak didirikan di Kelantan, Terengganu dan Kedah.

Pendidikan pondok akan bermula sebaik sahaja tibanya seorang tuan guru atau alim ulama dari luar. Guru itu berhasrat untuk menyampaikan ilmu agama kepada orang kampung terutamanya kaum petani. Sebahagian besar daripada guru pondok merupakan individu yang berpengaruh dan biasanya mereka menyampaikan pelajaran secara sukarela. Orang kampung akan bekerjasama untuk menyediakan rumah tuan guru dan pondok untuk pelajar-pelajar. Pondok itu lazimnya dibina berdekatan dengan rumah tuanguru.¹⁷

Pengajian pondok adalah pengajian secara tradisional di mana pembelajarannya disampaikan dengan cara menadah kitab. Pelajar-pelajar duduk bersila mengelilingi tuan guru dalam bentuk bulatan atau separuh bulatan yang disebut *Halqah*.¹⁸

Sukatan pelajaran khusus juga tidak didapati di sini. Mata-mata pelajaran yang diajar di sekolah pondok termasuk Hadith, Tasawuf, Fiqh, Tauhid, Tafsir dan doa-doa yang bersabitan dengan kehidupan harian.¹⁹

3

Namun begitu sistem pengajian pondok sekarang sudah semakin maju selari dengan perkembangan teknologi yang ada, dengan lahirnya pondok-pondok yang berbentuk moden yang dipanggil “Pondok Moden”. Pondok moden ini bolehlah didapati dibeberapa buah negeri seperti di Terengganu, Kelantan dan beberapa negeri lain lagi. Manakala lepasan daripada pondok ini berkelayakan untuk menyambung pengajian mereka ke institusi pengajian tinggi dalam negeri dan juga melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar Mesir.

2.3.4.2 Sekolah Agama Rakyat

Sekolah Agama Rakyat adalah sebuah institusi pengajian yang diletakkan di bawah pentadbiran lembaga pengurus ataupun guru besar sendiri. Maju mundurnya institusi ini bergantung kepada kebijaksanaan pentadbirnya masing-masing. Sekolah-sekolah agama ini terus bertaburan, kerana rakyat bebas mendirikannya.

Soal kewangan menjadi masalah yang utama di sekolah-sekolah ini. Ia menjadi punca bagi segala kesulitan yang lain. Punca kewangan sekolah ini diperolehi dari derma, harta wakaf, yuran keatas murid dan bantuan-bantuan Kerajaan Negeri dan Pusat. Kewangan selalu tidak mencukupi untuk

menjalankan kegiatan bagi membangunkan sekolah. Justeru itu, bangunan-bangunan sekolah menjadi terbiar dan kegiatan-kegiatan luar seperti sukan dan sebagainya tidak dapat dijalankan. Guru-guru diberi gaji yang tidak mencukupi. Oleh itu guru-guru ini tidak dapat menjalankan tugas dan menumpukan sepenuh masa dan tenaganya kepada sekolah, kerana mereka terpaksa mencari nafkah lain di samping mengajar.²⁰

Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, perhatian yang serius mula diberikan oleh kerajaan terhadap sekolah-sekolah ini. Beberapa buah kerajaan negeri di Malaysia seperti Terengganu, Kelantan dan Kedah telah mengambil alih pentadbiran sekolah-sekolah ini. Sekolah-sekolah ini akhirnya diberi nama sebagai Sekolah Menengah Agama.²¹

2.3.4.3 Sekolah Agama Negeri

Sekolah Agama Negeri ialah sebuah institusi pengajian yang diletakkan di bawah naungan Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam masing-masing. Kewangannya dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Ini menjadikan soal kewangan tidak menjadi masalah yang kompleks dan rumit bagi sekolah-sekolah ini dan pentadbirannya juga menjadi lebih teratur dan kemas. Justeru itu, perjalanan sekolahnya lebih lancar dan pesat kemajuannya. Ini berbeza dengan sekolah-sekolah agama rakyat yang selalu menghadapi pelbagai kesulitan dalam soal kewangan dan pentadbiran.²²

2.3.4.4 Sekolah Agama Kementerian Pendidikan Malaysia

Sekolah Agama Pusat ataupun dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) adalah sekolah agama yang ditadbir sendiri oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Tujuan utama penubuhan sekolah agama ini ialah untuk mengatasi soal taburan sekolah agama yang kecil-kecil yang berselerak di luar bandar. Dengan itu, pihak Kementerian Pendidikan telah berusaha mengambil alih sekurang-kurangnya sebuah sekolah agama yang terbesar sekali di tiap-tiap negeri untuk dijadikan sekolah agama pusat. Soal kewangan tidak menjadi masalah yang besar bagi sekolah ini, ini kerana segala keperluan adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak Kementerian Pendidikan.²³

2.3.5 Sumber Pendidikan Islam Di Malaysia

Di samping pendidikan sekular yang mempunyai sumber-sumber yang tertentu. Pendidikan Islam juga turut mempunyai sumber-sumber asasnya. Antara sumber-sumber yang menjadi asas pendidikan Islam di Malaysia ialah :

2.3.5.1 Al Quran dan al-Hadith

Antara mata pelajaran yang dianggap penting dan asas berbanding mata pelajaran yang lain dalam membentuk individu Muslim yang bertaqwa dan berakhhlak mulia ialah pelajaran al-Quran dan al-Hadith. Seluruh umat Islam, sama ada di timur maupun di barat mengakui bahawa pengajian al-Quran dan al-Hadith ialah sebagai asas pengetahuan seseorang.²⁴

Para ilmuan Islam turut bersepakat bahawa al-Quran dan al-Hadith seharusnya dijadikan sumber dan dasar pendidikan Islam. Malah ada diantara mereka seperti, Maulana Abul Hasan al-Nadawi pernah menegaskan bahawa sekiranya pendidikan umat Islam tidak didasarkan kepada akidah yang bersumberkan kepada al-Quran dan al-Sunnah maka pendidikan tersebut bukanlah pendidikan Islam, tetapi ia adalah merupakan pendidikan asing.²⁵

Pengajian al-Quran dianggap sebagai pengajian dasar kepada pengajian-pengajian yang telah wujud dalam kurikulum pendidikan Islam sejak zaman Rasulullah s.a.w. Sehubungan dengan itu, pembentukan kurikulum pelajaran agama Islam di Malaysia juga sama ada di peringkat rendah mahupun menengah menjadikan pengajian al-Quran sebagai satu mata pelajaran dalam kurikulumnya.

Kurikulum pelajaran Agama Islam di Malaysia bagi sekolah rendah dimulai daripada datjah satu hingga darjah enam mengandungi pelajaran Aqidah, Ibadat, Akhlak, Sejarah Rasul dan bacaan al-Quran. Bagi sekolah menengah pula dimulai daripada tingkatan satu hingga tingkatan enam, kurikulum pelajaran Agama Islamnya mengandungi pelajaran Tauhid, Fiqh, Sejarah Islam, Ayat al-Quran dan al-Hadith.²⁶

Al-Quran mengandungi konsep pendidikan yang agung. Ia menjelaskan konsep dan bentuk pendidikan yang sepatutnya dilalui oleh manusia ke arah keadaan yang lebih baik.

2.3.6 Bidang-bidang pendidikan Islam Malaysia

Islam bukanlah agama yang mengagih-agihkan aspek-aspek kemanusiaan menjadi ceraian-ceraian yang tidak ada hubung kait antara satu sama lain. Ia tidak hanya menjurus kepada pembersihan hati dan akhlak sahaja sebaliknya menekankan seluruh aspek kemanusiaan, akal, hati, rohani, jasmani akhlak dan peribadinya. Dengan hakikat itulah, pendidikan Islam dilengkapkan dengan segala persediaan hidup untuk menempuh segala bentuk keadaan. Ia mempunyai keupayaan untuk berinteraksi dengan masyarakat dan alam sekeliling dengan cara yang positif supaya seorang muslim itu tidak terasing dalam masyarakatnya. Bagi memenuhi aspirasi di atas, maka aspek-aspek pendidikan yang berkaitan dengannya hendaklah dititik beratkan.

Dalam hubungan ini, Abdul Jawad telah membahagikan aspek-aspek pendidikan Islam berdasarkan hadis Rasulullah s.a.w kepada enam aspek:

1. Pendidikan keimanan (*Al-Tarbiyyah al-Imāniyyah*)
2. Pendidikan akhlak keperibadian (*Al-Tarbiyyah al-Khuluqiyah*)
3. Pendidikan Jasmani (*Al-Tarbiyyah al-Jismiyah*)
4. Pendidikan pemikiran (*Al-Tarbiyah al-'Aqliyyah*)
5. Pendidikan kerohanian (*Al-Tarbiyyah al-Rūhiyyah*)
6. Pendidikan kemasyarakatan (*Al-Tarbiyyah al-Ijtima'iyyah*).²⁷

Menurut al-Syaibani, pembentukan kurikulum Agama Islam tidak terbatas pada ilmu-ilmu yang bersifat teori sahaja baik bersifat naqli mahupun aqli, tetapi merangkumi aktiviti seperti pendidikan jasmani, ketenteraan, pertukangan, pertanian, kejuruteraan dan lain-lain lagi.²⁸

3

Oleh itu, sistem pelajaran dan persekolahan juga jenis-jenis mata pelajaran yang diajar di peringkat persekolahan di Malaysia, nampaknya tidak jauh berbeza daripada sistem pelajaran di Mesir, Mekah dan Indonesia, memandangkan mata pelajaran Agama Islam turut dimasukkan ke dalam satu jadual waktu persekolahan bersama-sama dengan mata pelajaran akademik yang lain. Keadaan ini dengan jelas mencerminkan bentuk kurikulum paduan.²⁹

2.4 Pendidikan Islam di Daerah Besut

Pada pertengahan kurun ke 19 M, bahagian Utara Tanah Melayu mula dipengaruhi oleh sistem pengajian tradisional itu. Kelantan merupakan sebuah negeri yang sangat popular dengan sistem pengajian pondok sehingga digelar sebagai *Serambi Mekah*. Walau bagaimanapun peringkat awal pengajian Islam di Kelantan bermula sejak kurun ke-16 M lagi. Akan tetapi selepas beberapa abad kemudian barulah negeri tersebut muncul sebagai pusat perkembangan pendidikan Islam tradisional.

Rentetan daripada itu, dalam kurun yang ke-19 M, telah muncul beberapa buah institusi pondok yang termashur seperti pondok Kubang Pasu, Pondok Sungai Budur dan banyak lagi.³⁰

Begitu juga, dengan pergolakan Patani – Kelantan dengan Kerajaan Siam, banyak memberikan sumbangan kepada kebangkitan pengajian Islam di Terengganu. Malah hasil daripada peperangan yang meletus itulah, satu bentuk pendidikan telah dibawa ke Terengganu iaitu sistem pengajian pondok.³¹

Ekoran daripada perkembangan sistem pengajian Islam di Kelantan dan Terengganu, maka tidak hairanlah bagi daerah Besut yang menjadi sebahagian daripada Negeri Terengganu mempunyai sistem pendidikan pondok yang kukuh. Terdapat beberapa institusi pondok yang telah

ditubuhkan oleh beberapa ulama Islam di Besut pada ketika itu, antaranya ialah pondok Tuan Guru Haji Omar yang merupakan tajuk kajian penulis , Tuan Guru Haji Abdul Latif, Tuan Guru Hassan Besut, Tuan Guru Haji Hussin Kampung Lampu dan anaknya serta lain-lain lagi.

Berkat daripada usaha gigih dan kesedaran beberapa orang tokoh ulama inilah yang menjadikan daerah Besut sebagai salah sebuah daerah yang terkenal dengan sistem pengajian Islam yang mantap pada ketika itu hingga ke hari ini

2.5 Kesimpulannya

Perkembangan pendidikan Islam di Malaysia telah melalui saat-saat yang mencabar semenjak negara mencapai kemerdekaan hingga kini. Dapatlah ditegaskan bahawa kemunculan pendidikan Islam di Malaysia bermula daripada institusi masjid, surau dan istana. Pengaruh pendidikan Islam yang dikatakan bermula dari Melaka menerusi struktur pengajian rumah, masjid dan istana dapat menyambung kearah pendidikan yang lebih moden lagi iaitu menerusi sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan hingga ke peringkat pusat pengajian tinggi.

Nota Hujung

- ¹ Abd Halim b. Hj. Mat Diah (1989), ***Islam Dan Demokrasi Pendidikan***,Cet 1, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia,hal. 27
- ² Hj. Abdullah Ishak (1995), ***Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia***, Cet 1, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, hal. 4
- ³ Ee Ah Meng (1989), ***Pendidikan Di Malaysia Untuk Guru Pelatih***,Edisi 2, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd, hal. 3
- ⁴ Ahmad Mohd Salleh (1997), ***Pendidikan Islam Falsafah, Pedagogi Dan Metodologi***, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn Bhd, hal. 7-8
- ⁵ *Ibid*, hal. 2-3
- ⁶ Ismail Ab. Rahman (1993), ***Pendidikan Islam Malaysia***,Cet 2, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, hal. 15
- ⁷ Ahmad Mohd Salleh,(1997) *Op.Cit*, hal. 64-65
- ⁸ Prof Madya Dr Abdul Halim El-Muhammady (1994), ***Pendidikan Islam Peranannya Dalam Pembangunan Ummah***,Bangi, Selangor: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, hal. 106
- ⁹ Ismail Ab. Rahman,(1993) *Op.Cit*, hal. 17-18
- ¹⁰ Ee Ah Meng, (1989)*Op.Cit*, hal. 21
- ¹¹ Ismail Ab. Rahman, (1993),*Op.Cit*, hal. 15
- ¹² Kamarudin Abu & Ee Ah Meng (1995), ***Guru Dan Perkembangan Negara***, Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn Bhd, hal. 211-212
- ¹³ Ismail Ab. Rahman, (1993),*Op.Cit*, hal. 15
- ¹⁴ Ahmad Mohd Salleh, (1997),*Op.Cit*, hal. 73-74
- ¹⁵ Hj Abdullah Ishak, (1995)*Op.Cit*, hal. 183
- ¹⁶ Ismail Ab.Rahman, (1993)*Op.Cit*, hal. 16

¹⁷ Kamarudin Abu & Ee Ah Meng,(1995), *Op.Cit*, hal. 214

¹⁸ Prof Madya Dr Abd Halim El-Muhammady,(1994), *Op.Cit*, hal. 162

¹⁹ Kamarudin Abu & Ee Ah Meng,(1995), *Op.Cit*, hal. 215

²⁰ Ismail Ab.Rahman,(1993), *Op.Cit*, hal. 181

²¹ *Ibid*, hal. 16

²² *Ibid*, hal. 183

²³ *Ibid*, hal. 189

²⁴ Hj Abdullah Ishak, (1995),*Op.Cit*, hal. 167

²⁵ Dr Abdul Halim b. Mat Diah (1989), *Pendidikan Islam Di Malaysia*

Sejarah Dan Pemikiran, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam
Malaysia, Wilayah Persekutuan, hal. 60-61

²⁶ Hj Abdullah Ishak,(1995), *Op.Cit*, hal. 167

²⁷ Ahmad Mohd Salleh,(1997), *Op.Cit*, hal. 41

²⁸ Hj Abdullah Ishak,(1995), *Op.Cit*, hal. 171

²⁹ *Ibid*, hal. 170

³⁰ *Ibid*, hal. 193

³¹ *Majalah Dian Daiges*,(1980), Kota Bharu: Syarikat Dian Sdn Bhd,

Bil 129,Mac 1980, hal. 12

¹⁷ Kamarudin Abu & Ee Ah Meng,(1995), *Op.Cit*, hal. 214

¹⁸ Prof Madya Dr Abd Halim El-Muhammady,(1994), *Op.Cit*, hal. 162

¹⁹ Kamarudin Abu & Ee Ah Meng,(1995), *Op.Cit*, hal. 215

²⁰ Ismail Ab.Rahman,(1993), *Op.Cit*, hal. 181

²¹ *Ibid*, hal. 16

²² *Ibid*, hal. 183

²³ *Ibid*, hal. 189

²⁴ Hj Abdullah Ishak, (1995);*Op.Cit*, hal. 167

²⁵ Dr Abdul Halim b. Mat Diah (1989), *Pendidikan Islam Di Malaysia*

Sejarah Dan Pemikiran, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam
Malaysia, Wilayah Persekutuan, hal. 60-61

²⁶ Hj Abdullah Ishak,(1995), *Op.Cit*, hal. 167

²⁷ Ahmad Mohd Salleh,(1997), *Op.Cit*, hal. 41

²⁸ Hj Abdullah Ishak,(1995), *Op.Cit*, hal. 171

²⁹ *Ibid*, hal. 170

³⁰ *Ibid*, hal. 193

³¹ *Majalah Dian Daiges*,(1980), Kota Bharu: Syarikat Dian Sdn Bhd,

Bil 129,Mac 1980, hal. 12